

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"OLEH itu, janganlah latih diri mengamalkan rasuah, tetapi perangilah rasuah secara habis-habisan. Selamatkan bangsa dan negara dari rasuah."

- Titah Sempena Keberangkatan Baginda Ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei pada 10 Jamadilakhir 1436H / 31 Mac 2015M.



Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.46	4.55	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48

TAHUN 64 / BILANGAN 93

5 OGOS 2019 / 1440 ذوالحجہ 4

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"IAITU orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah, mereka berkata : Inna lillahi wa inna ilayhi raji'un (Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali)."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 156.

Paculah semangat, jiwai usaha berkebajikan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 3 Ogos. - Para belia wajar tampil ke hadapan untuk memainkan peranan, mereka tidak boleh jumud (beku) tetapi mustahak untuk aktif dan dinamik sepanjang masa.

"Kerajaan beta sangat prihatin supaya para belia jangan hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjawai usaha-usaha yang berkebajikan. Sebagai contoh dari keprihatinan ini, kerajaan beta telah

menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia.

Jawatankuasa ini khusus sebagai pemudah cara bagi para belia memulakan perniagaan dan perusahaan, sehingga dengan itu akan memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-14, 2019 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, pagi tadi.

Tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, para belia kita tidak lagi terkurung dalam kekosongan, tetapi muncul membawa idea-idea baharu untuk kehidupan.

Ke muka 2

Paculah semangat, jiwai usaha berkebajikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-14, 2019 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Dari muka 1

Maka sehubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengambil langkah menyediakan beberapa program keusahawanan untuk direbut oleh mereka.

"Pada tahun lepas, kita telah pun menyediakan 60 kontrak, di mana 10 daripadanya telah dianugerahkan kepada pengusaha-pengusaha belia, sedangkan sasaran kita sehingga akhir tahun 2021 adalah sebanyak 200," titah Kebawah DYMM.

Titah baginda lagi, kita tidak mahu untuk hanya jadi penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global.

"Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, tidak akan ada apa-apa yang boleh dihasilkan. Beta percaya, para belia kita adalah mampu untuk memenuhi ciri-ciri berilmu, berpengalaman dan berkemahiran," tegas baginda lagi.

Terdahulu, baginda bertitah, baginda berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara akhir-akhir ini.

Titah baginda, ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar Kerajaan, seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebu Dasar Belia Negara.

Menurut baginda, juga semakin menonjol, para belia sekarang sudah turut meminati bidang pertanian dan agri makanan sebagai satu pilihan perusahaan.

"Ini sangatlah bagus, kerana bidang pertanian berpotensi untuk dikembangkan, lebih-lebih lagi sesuai dengan keupayaan para belia untuk menggunakan kaedah-kaedah baru, yang dilihat mungkin mudah untuk meningkatkan produktiviti dan sekali gus menembusi pasaran luar negara," titah baginda.

Tegas baginda, para belia berhak untuk menerima ucapan syabas kerana menyahut cabaran menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan berskala besar.

Baginda yakin, ini boleh membawa perubahan signifikan kepada kehidupan kita pada masa kini dan akan datang, di mana para belia dengan didorong oleh kesepatan teknologi tidak akan berundur ke belakang meninggalkan bidang-bidang yang menjadi *favourite* seperti kesenian dan kreatif, malah mereka akan terus meneroka pelbagai produk untuk dikembangkan.

Ini semua adalah pelaburan yang perlu diperkasa, saran baginda.

Sebelum mengakhiri titah, bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan ini, baginda tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Dari Sidang Pengarang.

5 OGOS 2019 BERSAMAAN 1440 ذوالحجـة 4

ILMU, PENGALAMAN, KEMAHIRAN KOMBINASI BELIA MAJU

ADA pernah mengatakan kepada kita untuk melakukan sesuatu yang kita gemari dan jangan melakukan sesuatu yang kita kurang gemari. Jangan melakukan sesuatu yang kita terpaksa dan tanpa keikhlasan kerana hasilnya pasti tidak sempurna.

Melakukan sesuatu dengan keikhlasan, pastinya kerja atau hasilnya berbeza berbanding melakukan sesuatu dalam keterpaksaan. Apakah lagi apabila kita melakukan sesuatu yang kita gemari dan suka, pasti hasilnya akan lebih baik dan sempurna.

Dengan kesepatan teknologi kini, peluang bagi para belia untuk mengembangkan lagi seni, kreativiti atau hasil kerja mereka adalah terbuka luas. Para belia berpeluang untuk meneroka lebih lagi akan peluang-peluang untuk mempelajari dan mengambil pengalaman juga kemahiran.

Komen-komen daripada mereka yang mempunyai minat yang sama, berpengalaman dan berkemahiran mengenai hasil seni atau kreativiti mereka hasilkan itu pastinya akan menambah lagi idea untuk menghasilkan sesuatu yang baharu, di mana daripada pengalaman akan menjadikan mereka berkemahiran.

Pelbagai orang pastinya mempunyai pendapat yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Ambil komen sebagai dorongan dan bukan sebagai halangan bagi mereka memajukan seni mahupun kreativiti berkenaan.

Jangan mudah hancur dan luluh dengan komen yang diberikan, bahkan bangkitlah dengan idea-idea baharu yang lebih maju dan kreatif dalam penghasilan seni mahupun kreativiti mereka. Para belia dikehendaki untuk bersaing hingga ke arena global, namun persaingan bukanlah kosong, tetapi bersama ilmu, pengalaman dan kemahiran.

Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, maka tidak ada apa-apa yang boleh dihasilkan. Para belia adalah mampu untuk memenuhi ciri-ciri berilmu, berpengalaman dan berkemahiran. Semua golongan belia di negara ini mempunyai komitmen untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Ini adalah pelaburan yang perlu diperkasa. Para belia memainkan peranan dan wajar tampil ke hadapan dan bukan hanya menjadi jumud (beku). Apa yang penting mereka perlu aktif dan dinamik sepanjang masa.

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia yang khusus sebagai pemudah cara bagi para belia memulakan perniagaan dan perusahaan hingga memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada pembangunan negara.

Para belia adalah harapan bangsa, bangun bersama-sama dengan pelbagai idea, lengkapkan diri dengan ilmu, pengalaman juga kemahiran sama, jangan hanya berkhalay semata-mata, tentukan hala tuju dan komitmen untuk berjaya juga, agar idea dan kreativiti dalam kesenian mahupun industri kreatif bakal menjulang nama negara, ke arena antarabangsa, bahkan bakal menjadikan negara sebagai salah sebuah pengeluar idea-idea kreatif yang pelbagai, maju dan yang utama di dunia.

Minat yang ada jika diusaha bakal memberikan pulangan yang berbeza, berbanding sesuatu yang kita usaha dalam keterpaksaan dan tanpa keikhlasan ju, usahakan minat, kreativiti menghasilkan pelbagai hasilnya, insyaAllah akan memberikan pulangan yang lumayan bukan kepada diri sendiri cuma, bahkan juga kepada negara amnya.

Ilmu, pengalaman dan kemahiran perlu diusaha sama, pastikan ilmu kita disertakan dengan pengalaman ju, di samping itu pengalaman perlu disertakan dengan kemahiran sama, ilmu, pengalaman dan kemahiran adalah antara tiga tiang utama, untuk berjaya, maju dan terus berdaya saing selama.

Dengan ilmu kita tahu, dengan pengalaman kita maju, bersama kemahiran kita bersaing mendahulu. Belajar sesuatu kita berilmu, dengan pengalaman kita berkembang maju, dengan kemahiran kita mampu berdaya saing menjadi yang terbaik dan pilihan nombor satu dalam menjayakan hasrat negara sebagai sebuah negara berdaya saing dan maju selalu. - Ketua Penyuntingan (Nb).

Sambutan HBK iktiraf penglibatan belia



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Ogos. - Hari Belia Kebangsaan (HBK) yang

disambut pada setiap 1 Ogos merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap

pergerakan belia di negara ini di mana para belia berkumpul dengan tujuan yang bermakna.

Dalam usaha membangun belia di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal dan fiskal.

Selain itu, HBK juga merupakan wadah kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khusus bagi menghargai sumbangan dalam pembangunan belia.

Sehubungan itu, Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan HBK Ke-14 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Jun 2019.

Berangkat sama pada Majlis Sambutan tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas). Sementara gambar bawah, pasukan Pembaca Ikrar Belia masuk ke Dewan Plenary.



BERANGKAT sama ke Majlis Sambutan HBK Ke-14 ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas). Sementara gambar bawah, pasukan Pembaca Ikrar Belia masuk ke Dewan Plenary.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama seorang belia (atas). Sementara gambar kiri, baginda bersama paduka-paduka anakanda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-14 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-14, 2019; Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, 2019 dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam sembah alu-aluannya menyembah bahawa Kajian Rebiu Dasar Belia Negara telah dilaksanakan pada tahun ini dan diselaraskan dengan Resolusi Kongres Belia yang diadakan pada bulan Jun 2019.

"InsyaaAllah, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyasarkan bagi rebiu berkenaan untuk siap dilaksanakan sesegeranya pada tahun ini. Apa yang paling penting ialah

bagi hasil daripada rebiu ini untuk diimplementasikan secara berterusan dan sepenuhnya agar memberikan impak tinggi dalam merealisasikan belia Brunei yang benar-benar Siaga Masa Depan. Dengan kerjasama padu dan usaha yang berterusan dalam perkara ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik yakin semua pihak akan terus memainkan peranan yang penting dalam membimbing dan memperkasa belia Brunei agar hasrat untuk menjadikan mereka sebagai agen perubahan akan menjadi satu kenyataan, selaras dengan keperluan negara pada masa kini serta matlamat Wawasan Brunei 2035. Insyaa Allah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyembahkan dan melahirkan rasa bangga atas komitmen tinggi para belia di mana sebahagian besar perancangan dan pengendalian Sambutan HBK tahun ini telah diterajui oleh mereka sendiri.

Sesuai dengan tema dan fokus sambutan yang menjurus kepada Keusahawanan dan Teknologi, Majlis Perhimpunan Ramah Mesra Belia kali ini, jelas Yang Berhormat, mengetengahkan kemajuan para belia dalam empat kluster utama yang merangkumi bidang yang luas iaitu Ekonomi Kreatif, Perusahaan Sosial, Pembangunan Lestari dan Kesukarelawanan.

"Penglibatan para belia dalam empat kluster yang penting ini amat signifikan dan telah menunjukkan peningkatan berterusan dari tahun ke setahun terutamanya dalam sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara," sembah Yang Berhormat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama penerima Anugerah Belia sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-14.

Dari muka 5

Majlis seterusnya diikuti dengan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu, Ikrar Belia dibacakan oleh seramai 52 belia

dari Institusi Pendidikan, Persatuan Beruniform, Persatuan dan Kelab, Alumni-alumni termasuk belia mewakili tujuh Etnik Brunei diketuai oleh Awang Muhammad Hanis bin Haji Osman, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Sosial Generasi Bekarh diiringi oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid dan Pegawai Pendidikan di Pusat Tingkatan Enam Tutong, Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias.

Atur cara disusuli dengan tayangan video terbitan kumpulan belia kreatif yang memaparkan pembangunan dan pencapaian belia dalam peledakan era ekonomi digital, revolusi industri 4.0 dan penggunaan teknologi dalam

mencapai Wawasan Negara 2035 serta penglibatan belia secara aktif dan mampan dalam sektor ekonomi kreatif, keusahawanan sosial, kesukarelawanan dan pembangunan lestari.

Turut menyerikan majlis ialah persembahan khas belia yang mencerminkan benih-benih transformasi seiring perkembangan ekonomi web serta pembangunan pesat dalam

produk berteknologi dan sistem automasi lebih pintar. Kesiagaan belia-belia negara dalam sama-sama membangun negara untuk menyahut gagasan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada para belia di Perhimpunan Ramah Mesra Belia (atas). Sementara gambar atas kanan, baginda dan DYTM menyaksikan pameran Keusahawanan dan Teknologi berdasarkan empat kluster utama, iaitu Pembangunan Lestari, Ekonomi Kreatif, Perusahaan Sosial dan Kesukarelawanan di Dewan Persidangan Utama.

PERSEMAHAN khas belia menyerikan suasana Sambutan HBK Ke-14 (kanan). Manakala gambar kanan sekali, bacaan Ikrar Belia sempena HBK Ke-14 yang diketuai oleh Awang Muhammad Hanis bin Haji Osman, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Sosial Generasi Bekarh.





Dari muka 6

Acara kemuncak sambutan ialah Penyampaian Anugerah HBK 2019 dalam empat kategori iaitu Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia yang disempurnakan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penerima-penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan dalam Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia masing-masing telah menerima sebuah trofi, kain tenunan, sijil penghargaan

dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Manakala dalam Kategori Projek Cemerlang Untuk Belia telah menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan *seed grant* sebanyak BND 3,500.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia di Dewan Persidangan Utama.

Pada tahun ini fokus utama Perhimpunan Ramah Mesra Belia adalah Keusahawanan dan Teknologi dengan format berdasarkan empat kluster utama, iaitu Pembangunan Lestari, Ekonomi Kreatif,

Perusahaan Sosial dan Kesukarelawanan.

Kesinambungan daripada perhimpunan ini, satu Pleno Usahawan Belia 2019 juga turut diadakan dan telah dibukakan kepada orang ramai yang diadakan pada sebelah petang, 3 Ogos 2019.

Sebanyak tiga sesi telah diadakan dan ia dikendalikan oleh Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB) dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei.

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada orang ramai yang hadir pada sambutan tersebut (kiri). Sementara gambar atas, baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan bagi memberkati majlis.

Sambutan HBK Ke-14, 2019.

Konsep Sambutan HBK tahun ini memfokuskan kepada keusahawanan dan teknologi dan tema sambutan pula ialah 'Belia Siaga Masa Depan'.

Siaga bermaksud siap sedia. Belia menjadi tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa depan. Betapa pentingnya belia pada sesebuah negara adalah terletak pada peranan belia sebagai pemacu kemajuan pembangunan negara pada masa depan.

Kemampuan belia menuju masa depan amat berkait rapat dengan mempersiapkan belia dengan 'acuan' yang berkualiti dan mampu mendepani pelbagai cabaran yang sukar diramalkan dengan cara yang bijak dan berwibawa.

Belia masa depan itu adalah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian, tetapi juga belia yang berkemahiran, inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab secara bersepadu antara pihak

kerajaan, swasta dan pertubuhan awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

Mempertajam, meneroka serta menyerlahkan kemahiran dan potensi modal insan belia siaga masa depan menjadi strategi negara yang harus dilaksanakan bagi melahirkan aset negara yang bertanggungjawab. Belia perlu dibimbing dan dididik agar kelak menjadi generasi yang berguna dan bermanfaat kepada bangsa dan negara.

Sambutan HBK Ke-14 juga akan diisikan dengan acara-acara sampingan iaitu Program Bas Belia pada 7 hingga 13 September 2019 dan Riadah Berbasikal yang akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Riadah pada kali ini adalah bersempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73; Hari Keluarga Kebangsaan dan Hari Belia Kebangsaan.

Sesuai dengan matlamat Sambutan HBK 2019 iaitu untuk mengiktiraf belia dan pergerakan belia di negara ini maka adalah diharapkan dengan pelaksanaan sambutan kali ini akan dapat menggalakkan lebih ramai penglibatan golongan belia dalam pelbagai aktiviti keliahan khususnya dan terlibat sama dalam usaha-usaha pembangunan negara amnya.

Maklumat lanjut mengenai Sambutan HBK Ke-14 boleh melayari laman sesawang rasmi di www.hbk.gov.bn.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar kenangan bersama para belia yang aktif dan berwawasan yang sama-sama memperkenan projek mereka di Perhimpunan Ramah Mesra Belia.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-14, 2019 menyembahkan ucapan alu-aluan (kiri). Sementara gambar tengah, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Manakala gambar kanan, pukulan hadrah menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lain di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Anugerah HBK memacu pembangunan belia



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Ogos. - Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-14, 2019 menyaksikan penyampaian Anugerah HBK 2019 kepada empat penerima dalam empat kategori pada majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penganugerahan tersebut.

Bagi Kategori Anugerah Belia Cemerlang diraih oleh Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh, seorang usahawan dan pengurus bagi tujuh buah syarikat tempatan di negara ini.

Anugerah tersebut adalah sebagai pengiktirafan kepada belia atas jasa yang cemerlang dalam kerja atau usaha-usaha yang ditunjukkan dalam mengangkat nama negara dalam pelbagai bidang dan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, penerima bagi Anugerah Belia Berkhidmat diberikan kepada Dayang Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman yang merupakan Pengasas dan Mentor kepada Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Bagi anugerah kategori ini, diberikan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada belia yang telah berkhidmat secara berterusan untuk masyarakat di negara ini dalam pelbagai bidang selaras dengan matlamat Wawasan Negara Brunei 2035.

Anugerah Pemimpin Muda Belia pula diterima oleh Pengiran Salimatum Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh, yang bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di

Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok dan merupakan Yang Di-Pertua Persatuan Society For Community Outreach & Training

(SCOT).

Anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh pemimpin muda dalam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Anugerah Belia Cemerlang kepada Dayang Hajah Noor Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menyempurnakan Anugerah Belia Berkhidmat kepada Dayang Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Pengiran Salimatum Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh, yang bertugas sebagai Pegawai Pelajaran (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menyempurnakan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia kepada Projek Dart daripada Dart Logistics Sdn. Bhd. yang diterima oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Dart Logistics Sdn. Bhd., Awang Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

memajukan organisasi atau persatuan yang telah dipimpinnya secara berterusan, menanai dan merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Anugerah tersebut merupakan aspirasi dalam melahirkan pemimpin belia yang mandiri, berwibawa dan berwawasan.

Projek Dart daripada Dart Logistics Sdn. Bhd., pula memenangi bagi Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia.

Anugerah ini diberikan bagi mengiktiraf projek-projek belia yang berjaya diungkayahkan dalam memacu pembangunan masyarakat belia di pelbagai bidang terutama dalam era peledakan Industri Revolusi 4.0.

Projek-projek yang diungkayahkan adalah satu inovasi pembangunan dan kemajuan selaras dengan aspirasi negara dan era ekonomi digital.

Penilaian turut memfokuskan kepada projek yang berpotensi dalam mewujudkan peluang pekerjaan, berkeupayaan membangun belia negara dan penggunaan teknologi.

Para penerima Anugerah HBK dalam Kategori Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat dan Pemimpin Muda Belia masing-masing telah menerima sebuah trofi, kain tenunan, sijil penghargaan dan wang tunai sebanyak BND3,000.

Manakala dalam Kategori Projek Cemerlang Untuk Belia menerima sebuah trofi, sijil penghargaan dan seed grant sebanyak BND3,500.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Muda Belia kepada Pengiran Salimatum Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh, yang bertugas sebagai Pegawai Pelajaran (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menyempurnakan Anugerah Projek Cemerlang untuk Belia kepada Projek Dart daripada Dart Logistics Sdn. Bhd. yang diterima oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Dart Logistics Sdn. Bhd., Awang Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris.

Ketengahkan Belia Siaga Masa Depan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan pameran keusahawanan dan teknologi (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mencuba basikal untuk kesihatan yang dipamerkan pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) Ke-14.



Oleh : Kartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 3 Ogos. - Belia masa depan adalah belia yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam pendidikan, sahsiah dan kerohanian tetapi juga belia yang berkemahiran,

inovatif dan kreatif sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang.

Sehubungan itu, konsep Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini memfokuskan kepada Keusahawanan dan Teknologi

yang bertemakan 'Belia Siaga Masa Depan'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat menyaksikan pameran tersebut.

Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa yang memfokuskan kepada empat kluster utama iaitu 'Pembangunan Lestari'; 'Ekonomi Kreatif'; 'Perusahaan Sosial' dan 'Kesukarelawan' yang disertai seramai 88 peserta dari syarikat-syarikat swasta dan persatuan-persatuan NGOs.

Matlamat Pembangunan Lestari ialah pelan tindakan untuk mencapai masa depan yang baik dan mantap untuk semua.

Mereka menangani cabaran global yang kita hadapi, termasuk yang berkaitan dengan kemiskinan, ketidaksamaan, iklim, kemasuhan alam sekitar, kemakmuran, keamanan serta keadilan.

Matlamat tersebut berhubung kait dan untuk memastikan tiada seorang pun ketinggalan, adalah penting bahawa kita mencapai setiap sasaran menjelang tahun

2030.

Sementara, Ekonomi Kreatif adalah sektor yang merangkumi aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan yang terletak di persimpangan kreativiti manusia, pengetahuan dan teknologi.

Ia merangkumi industri kreatif sejarah dengan buruh dan hasil pengeluaran.

Perkembangan Ekonomi Kreatif yang tepat menghasilkan nilai komersial dan budaya yang sepatutnya mempunyai potensi untuk menghasilkan pendapatan dan pekerjaan.

Industri Kreatif termasuk pengiklanan; seni bina; seni dan kraf; reka bentuk; fesyen; video; fotografi; muzik; seni persembahan; penerbitan; penyelidikan dan pembangunan; perisian; permainan komputer; penerbitan elektronik dan televisyen / radio.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama peserta Ekonomi Kreatif, Pengasas Covered by Annisa (CbA), Dayang Nisa Masir menjelaskan Covered by Annisa mula ditubuhkan sejak tahun 2014 yang menyediakan pakaian berkonsepkan Muslimah.

"Kesemua pakaian yang direka dan dijahit adalah hasil kerja anak tempatan kitani, dan mereka ini mempunyai kelulusan dari Universiti Brunei Darussalam dan sesetengah mereka ini juga merupakan *self-employed* yang mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang rekaan dan jahitan," jelas beliau.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tertarik dengan hasil lukisan kreatif seorang belia yang dipamerkan pada Sambutan HBK Ke-14.



Ke muka 10

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menyaksikan dan seterusnya menerima penerangan mengenai dengan projek-projek yang dikendalikan oleh para belia yang aktif di negara ini, sama ada di bidang keusahawanan maupun teknologi terkini (kiri sekali dan kiri).



Dari muka 9

Tambahnya lagi, konsep rekaan CbA berdasarkan 3L, iaitu Labuh, Laju, Lawa dan semestinya rekaan fesyen mereka menepati *modest concept in syariah compliance* iaitu menutup aurat namun masih mengikuti trend rekaan terkini yang cantik dan selesa.

Menyentuh mengenai perancangan masa kini dan jangka panjang, CbA giat menyertai pelbagai ekspo di luar negara antaranya di Malaysia, Singapura dan Jakarta, Indonesia yang antara lain bertujuan untuk memasarkan hasil produk keluaran mereka.

Menurutnya, CbA kini mempunyai butiknya sendiri yang terletak di Citis Square dan sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan lebih-lebih lagi dari kalangan pelanggan

tetap mereka yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan di sepanjang usia CbA yang kini sudah mencapai lima tahun.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar para belia di luar sana untuk sentiasa berusaha mencuba dan menyahut hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memenuhi sektor-sektor keusahawanan di negara kita lebih-lebih lagi dalam sektor industri kreatif.

Sementara Pengarah Game On, Awang Amar Dani bin Agus Din ketika ditemu bual menjelaskan Game On ditubuhkan bagi mewujudkan pertandingan yang sihat dalam kalangan komuniti permainan orang Brunei (Bruneian gaming community).

Menurutnya, Game On adalah syarikat e-sports terkemuka yang berpangkalan di Negara Brunei Darussalam, yang memberi tumpuan kepada konsol dan

permainan mudah alih sejak tahun 2016.

Sehingga kini, Game On telah menganjurkan lebih daripada 30 acara permainan, dengan menyediakan tempat yang khusus untuk pertandingan permainan video serta mengubah idea menjadi realiti menarik yang mewujudkan perpaduan dan persaingan sihat bersama pemain yang lain.

Beliau berharap untuk meneruskan acara permainan (*gaming*) berkenaan di masa akan datang dan terus mendapatkan sokongan dari pelbagai agensi yang berkenaan.

Menerusi Perusahaan Sosial pula, perniagaan yang didorong oleh tujuan untuk mewujudkan kesan positif dalam masyarakat iaitu memberi tumpuan kepada kesan / impak sebelum keuntungan.

Kesan yang dimaksudkan ialah yang dapat menyelesaikan



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar kenangan bersama para belia dan menyaksikan projek yang dihasilkan (kiri dan atas).

isu-isu dalam masyarakat berkaitan dengan alam sekitar serta ekonomi.

Manakala, Kesukarelawanan pula secara amnya dianggap sebagai aktiviti altruistik, di mana individu atau kumpulan memberikan perkhidmatan tanpa menerima keuntungan kewangan atau sosial.

Perhimpunan Ramah Mesra

Belia itu bertujuan untuk menghimpuinkan usahawan belia yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang keusahawanan serta usahawan belia yang mempelopori industri-industri baharu untuk berkongsi kejayaan dan pengalaman sesama mereka khususnya kepada para pengunjung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima penerangan ringkas mengenai teknologi yang dipamerkan di Perhimpunan Bersama Belia sempena sambutan HBK Ke-14.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menyaksikan pameran daripada salah satu projek yang dikendalikan oleh para belia tempatan.



PENGARAH Game On, Awang Amar Dani bin Agus Din (kiri) dan Pengasas Covered by Annisa (CbA), Dayang Nisa Masir (kanan) semasa ditemu bual Pelita Brunei.



Kukuhkan iman belia harapan bangsa

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmad


BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Ogos. - Masa para belia perlu diisi dengan program-program yang boleh membina dan memperkuatkan iman agar menjadi belia harapan bangsa kerana jika tidak mereka akan menderita dengan pelbagai masalah kejiwaan.

Perkara tersebut antara pengisian Tazkirah Subuh di Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali, di sini.

Tazkirahnya bertajuk 'Belia Negara, Harapan Bangsa' itu juga menerangkan kenapa perkara itu ditekankan, terutama sekali kepada belia, kerana dari segi akal, pemikiran belia masih lagi segar, ingatan masih lagi kuat dan pemahaman masih lagi hebat.

Sementara dari segi fizikal, belia masih lagi tahan lasak, bertenaga, tahan sakit dan sebagainya serta dari segi jiwa pula, belia masih bertenaga, kental dan bersemangat.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan Program 'Masjidku Ma'mur Negara Berkat'



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud bersama-sama jemaah masjid semasa mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Negara, Harapan Bangsa' yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji

Mohd. Daud.
Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya

Maharaja Lela Haji Yussof; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN

Awang Salminan bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Belia perlu proaktif majukan negara



PENERIMA Anugerah Pemimpin Muda Belia, Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd Saleh, Pegawai Pelajaran dan Yang Di-Pertua SCOT.



PENERIMA Anugerah Belia Cemerlang, Dayang Hajah Noor Monasaleiana @ Suzie binti Haji Mohd Salleh, seorang usahawan dan pengurus bagi tujuh syarikat tempatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Ogos. - Para belia selaku tonggak kepimpinan masa depan negara diseru agar sentiasa proaktif dan terus bersemangat dalam membangun diri sendiri bagi sama-sama mengembangkan negara menuju Wawasan Brunei 2035.

"Sebagai belia kitani hendaklah sentiasa proaktif untuk sentiasa mahu belajar dan membangun diri sendiri supaya dapat menolong orang lain."

Demikian ditekankan oleh penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) 2019, Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh semasa ditemui oleh pihak media pada majlis tersebut.

Belia turut melahirkan harapan kepada para belia agar mereka terus membina diri sendiri dan sentiasa keluar dari zon selesa supaya dapat membina jati diri dan membuat perubahan dan pembangunan kepada masyarakat dan negara dan mencapai wawasan Negara 2035.

Bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, beliau adalah juga merupakan Yang Di-Pertua Persatuan Society For Community Outreach & Training (SCOT) sejak tahun 2016 hingga sekarang.

Melalui Projek 'Penpal Across Borders', beliau berjaya menggabungkan seramai 457 murid secara keseluruhan daripada Negara Brunei Darussalam dan



PENGASAS dan Ketua Pegawai Eksekutif Dart Logistics Sdn. Bhd., Awang Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris menerima Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia.



PENERIMA Anugerah Belia Berkhidmat, Dayang Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, Pengasas dan Mentor kepada Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Republik Singapura untuk berkomunikasi melalui e-mel dan poskad.

Dengan mengetuai Projek Assalamualaikum, misi memupuk suasana dan budaya positif dalam membanteras gejala buli bagi Program Eksekutif Muda Kohot Ke-3 telah mendapat sokongan dari pelbagai pihak dan agensi.

Sebagai Yang Di-Pertua SCOT, beliau telah berjaya memimpin dan membimbing Ahli-ahli SCOT untuk mengetuai Projek Utama SCOT seperti Green Exchange; Youth Against Poverty Workshop; Ramadan Charity Drive dan Ummi Bags Project.

Sementara itu, Dayang Hajah Noor Monasaleiana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh yang merupakan penerima Anugerah Belia Cemerlang merupakan seorang usahawan dan pengurus bagi tujuh syarikat tempatan di negara ini dan merupakan Ahli Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) sejak tahun 2015.

Beliau sentiasa menerapkan dalam dirinya untuk memegang prinsip supaya tidak mudah putus asa dan rebut apa jua peluang yang ada untuk membina jati diri sendiri, tidak malu untuk bertanya jika ada perkara yang tidak difahami, sentiasa berinteraksi, belajar dan serta pelbagai program dan rangkaian yang diadakan.

Dengan keperibadian daya saing yang tinggi, gigih dan tidak mudah berputus asa, di bawah kepimpinan beliau selaku penggerak Malam

Minggu Pusat Belia (MMPB) telah berjaya mengumpulkan belia dengan pengisian tema yang berbeza dengan pencapaian kunjungan tertinggi seramai 3,010 orang pada 3 Julai 2019.

Selain dalam bidang keusahawanan, Dayang Hajah Noor Monasaleiana juga tidak ketinggalan membantu dan membela golongan yang memerlukan bantuan dengan menyertai ekspedisi kemanusiaan dalam membantu mangsa-mangsa Palu, Sulawesi, Indonesia yang telah dilanda Gempa Bumi pada tahun 2018.

Bagi penerima Anugerah Belia Berkhidmat iaitu Dayang Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, merupakan Pengasas dan Mentor kepada Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong sejak tahun 2012.

Dengan memegang kelulusan tertinggi Doktor Falsafah (Dakwah dan Kepimpinan), pada masa ini beliau sedang bertugas di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai pensyarah dan penyelaras kurikulum.

Jelasnya, sepanjang terlibat dalam kesukarelawanan sejak 2012, banyak perkara dan cabaran yang diraih antaranya ialah nikmat yang dirasai apabila dapat membantu orang lain dan melihat mereka gembira.

Selain itu, melalui penglibatan dalam bidang kesukarelawanan ini, ia dapat memberi inspirasi kepada belia-belia lain bahawa masih banyak yang dapat mereka sumbangkan kepada masyarakat di negara ini sama ada dari segi potensi, tenaga, masa, idea dan sebagainya.

"Bila saya menyertai dalam aktiviti kesukarelawanan ini, ia

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

sudah menjadi *passion* atau sesuatu yang saya suka kerana dalam masa yang sama kitani dapat memberi manfaat kepada orang lain, sebab ada kalanya orang mempunyai masa namun tidak punya kewangan yang cukup, dan ada pula yang punya masa namun tidak punya tenaga untuk memberikan bantuan. Jadi memberi kesukarelawanan khidmat masyarakat ini, ia memberikan satu kepuasan kepada diri kita sendiri," ujarnya.

Penglibatan aktif beliau dalam menjalankan inisiatif kesukarelawanan membantu membangun belia-belia dan masyarakat melalui program antaranya Syabab Prihatin di Aceh, Indonesia; Program 'Zero to Hero', 'Youth Protection'; Bicara An-nisa; Program Journey of A Mu'min dan Brunei Peduli Palestin.

Sementara Projek Dart daripada Dart Logistics Sdn. Bhd., turut terpilih memenangi bagi Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Dart Logistics Sdn. Bhd., Awang Zul'Amali bin Dato Paduka Haji Idris ketika ditemui menyatakan rasa terharu dan bersyukur kerana tidak menyangka dicalonkan dan terpilih menerima anugerah tersebut.

Salah satu cabaran dalam melaksanakan projek tersebut jelasnya, ialah *public mindset* kerana ia merupakan sesuatu yang baharu di negara ini dan masih kurang dikenali.

Penubuhan Dart, jelasnya, bukan hanya sebagai penyelesaian dalam pengangkutan awam, malah ingin membantu orang ramai

meningkatkan pendapatan mereka, selain menyediakan kemudahan teknologi yang mudah digunakan.

Menyentuh mengenai perancangan masa depan Dart, beliau berhasrat untuk mengembangkan projek berkenaan melangkaui penggunaan kereta termasuk bas dan bot dan apa juar berkaitan dengan logistik dan seterusnya dapat memajukan ekonomi negara.

Beliau berharap melalui projek tersebut, ia dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk mengejar cita-cita dan tidak berputus asa dalam melaksanakan sesuatu perkara walaupun mengharungi pelbagai cabaran.

Projek Dart menawarkan platform baharu pengangkutan awam dan menawarkan peluang pekerjaan secara sepenuh masa mahupun sampingan. Sejak Dart beroperasi, 120 pemandu telah mendaftar menjadi pemandu Dart dan 60 orang daripadanya tidak bekerja sebelum ini.

Secara purata, pendapatan pemandu Dart sepenuh masa mahupun sampingan boleh mencapai BND1,000 dalam sebulan. Projek ini telah mencatatkan 68 peratus pemandu Dart terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 20 hingga 40 tahun.

Inovasi yang diperkenalkan dalam projek ini adalah dengan penggunaan aplikasi yang dimuat turun dalam telefon bimbit sebagai satu evolusi dan platform bagi kemajuan pengangkutan awam di Brunei Darussalam.



Harumkan Brunei di persada fesyen antarabangsa

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Dk. Siti Farhanna
Pg. Haji Md. Pura

INDUSTRI kreatif adalah model perniagaan yang bergantung kepada kreativiti dan kaedah komunikasi baharu, di mana kreativiti berfungsi dengan nilai yang luar biasa. Dalam erti kata lain, ia adalah satu industri, di mana suatu pekerjaan boleh menjadikan kejayaan yang dramatik atau sebaliknya berdasarkan hasil kreatif. Jenis-jenis industri kreatif antaranya fesyen, pengiklanan dan promosi, reka bentuk, seni bina, filem dan hiburan, seni bina, muzik dan sebagainya.

Industri kreatif ini juga berpotensi meningkatkan peluang perekonomian, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-73 bagi Tahun 2019.

"Peluang-peluang perekonomian, juga terus direbut, antaranya menjana

potensi yang terdapat pada industri kreatif. Industri ini akan dikembangkan untuk meraih manfaat berganda, bukan setakat memperkuuh warisan seni budaya, bahkan juga mampu untuk mempelbagaikan bidang ekonomi," titah baginda.

Edisi Belia Berwawasan kali ini mendekati salah seorang belia yang sudah berada dalam industri kreatif hampir satu dekad. Beliau merupakan seorang pereka fesyen tempatan yang memiliki jenama rekaan 'Na Forre'.

Jenama ini direka bagi wanita berkerjaya berumur lingkungan antara 18 hingga 38 tahun khusus bagi wanita moden yang bergaya, minimalis yang berelemen keBruneian 'Songket Brunei'.

Dayangku Siti Farhanna binti Pengiran Haji Md. Pura, 34, berkelulusan Ijazah dalam Marketing, University of Hertfordshire, United Kingdom dan memiliki atelier beroperasi secara digital atau e-Commerce di laman sesawang www.naforrer.com.bn dan media sosial, iaitu @naforrer di akaun Instagram. Walaupun tidak mempunyai kelulusan formal dalam rekaan fesyen tetapi dengan bakat dan minat serta semangat yang kuat mendorong beliau untuk memasuki ke persada industri rekaan fesyen.

Seringkali mewakili Brunei dalam beberapa pertunjukan fesyen di peringkat antarabangsa, antaranya The Commonwealth Fashion Exchange

(CFE) 2018 yang merupakan projek kelolaan Eco-Age, London yang menjemput pereka-pereka fesyen daripada 53 buah negara Komelan untuk mereka rekaan 'Gaun Malam' (Evening Dress), di mana Majlis Resepsi CFE 2018 itu telah dihoskan oleh Her Royal Highness Duchess of Cambridge, Kate Middleton dan Her Royal Highness The Countess of Wessex, Sophie. Rekaan Gaun Malam Dayangku Siti Farhanna, 'Modern Malay Woman' antara rekaan Gaun Malam yang dipamerkan di dalam Istana Buckingham pada CFE 2018 dan ia juga turut dipamerkan pada Fashion Institute of Technology, New York pada Ogos 2018. Terbaharu, Dayangku Siti Farhanna menyertai ASEAN Fashion Festival sempena ASEAN Week 2019 di Seoul, Korea bersama dengan pereka-pereka ASEAN yang lain untuk mempamerkan fesyen-fesyen rekaan negara ahli ASEAN dan Korea, di mana beliau mereka rekaan fesyen tradisional Brunei dengan corak nada moden.

"Alhamdulillah, kejayaan yang diperoleh pada setakat ini adalah membawa nama Brunei ke beberapa pertunjukan fesyen di peringkat antarabangsa seperti Kuala Lumpur, Malaysia; Qatar; Tokyo, Jepun; London, United Kingdom; Bangkok, Thailand dan Seoul, Republik Korea. Untuk berjaya hingga ke tahap ini, perkara yang perlu ada dalam industri

kreatif ini ialah mempunyai minat dan semangat adalah sangat penting kerana jika tidak ada semangat maka kita tidak akan dapat melakukan pekerjaan atau perniagaan itu dengan betul," ujarnya semasa ditemui.

Wawasan

Sebagai Belia Berwawasan, Dayangku Siti Farhanna bersedia menyahut cabaran dan mempunyai matlamat untuk mengharumi nama Brunei, di samping mengembangkan lagi perniagaan beliau hingga berjaya ke luar negara.

"Cabaran itu memang ada, dari segi saingan dalam kalangan pereka fesyen Asia Tenggara, di mana orang kita gemar membeli daripada pereka-pereka fesyen Malaysia dan Republik Indonesia. Untuk itu saya akan pastikan kualiti rekaan saya adalah sebanding dengan mereka atau lebih baik daripada pereka fesyen antarabangsa. Selain itu, saya juga harus memahami kehendak stail klien dan kemahuan fesyen yang dikehendaki," jelasnya yang kini sibuk bagi projek terbaharu beliau, iaitu Koleksi Pengantin yang akan dilancarkan pada Ogos ini.

Kepada belia di luar sana, sedikit pesanan dan nasihat daripada Dayangku Siti Farhanna khususnya yang mempunyai minat dalam dunia rekaan fesyen untuk bergerak jauh ke hadapan dalam industri kreatif ini, supaya sentiasa berendah hati apabila berjaya dan sentiasa mengingatkan niat.